



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: 100-4/10 JLD. (4)/(157)

Tarikh : 6 Januari 2021

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah
Semua Pemungut Hasil Negeri, Pejabat Persekutuan

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 1 TAHUN 2021 PERATURAN PENYIMPANAN BUKU TUNAI DAN SALINAN RESIT PEMUNGUT HASIL

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan peraturan baharu mengenai penyimpanan Buku Tunai dan salinan Resit Pemungut Hasil.

2. LATAR BELAKANG

Pada masa ini semua Pejabat Pemungut Hasil menghantar Buku Tunai dan Salinan Resit Pemungut Hasil kepada Pejabat Audit Dalaman, Kementerian Kewangan Negeri Sabah setiap penghujung bulan bagi tujuan Audit.

3. PERATURAN BAHARU

Pihak Audit Dalaman, Kementerian Kewangan Negeri Sabah kini menetapkan Buku Tunai dan Salinan Resit Pemungut Hasil perlu disimpan dengan selamat di pejabat pemungut hasil masing-masing dan kemukakan kepada pihak Audit Dalaman semasa tinjauan audit dibuat.

